



GREAT Life Gift¹

Berikan keluarga anda kasih sayang yang tidak ternilai

Tawaran terhad dari 1 November 2025 – 31 Disember 2025



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Berikan keluarga anda kasih sayang yang tidak ternilai

Apakah yang paling penting dalam kehidupan? Bagi kebanyakan orang, jawapannya ialah keluarga. Berkongsi detik istimewa dan mencipta kenangan indah bersama menjadikan kehidupan yang penuh kehebatan. Kerana keluarga anda tidak ternilai dan anda berupaya menanggung mereka walaupun semasa anda tidak lagi mampu, ia merupakan limpahan kasih sayang paling bernilai kepada orang tersayang.

GREAT Life Gift melindungi masa hadapan keluarga anda apabila kejadian yang tidak dijangka berlaku dalam kehidupan. Dengan perlindungan bagi kemalangan, hilang upaya dan penyakit bawaan nyamuk, pelan ini juga menawarkan pendaftaran mudah tanpa keperluan pengunderaitan perubatan.

Dengan premium yang mampu milik, anda akan menerima perlindungan sehingga umur 80 tahun dan ganjaran kewangan dijamin setiap 5 tahun. GREAT Life Gift memberikan anda semua ini agar anda boleh meluangkan masa dengan orang tersayang pada hari ini, tanpa perlu bimbang akan hari esok.

Manfaat sepiantas lalu



Premium mampu milik dengan perlindungan tinggi



Pendaftaran mudah tanpa pengunderaitan perubatan



Perlindungan bagi kematian atau Hilang Upaya Total & Kekal (TPD)



Manfaat tambahan bagi kematian akibat penyakit bawaan nyamuk



Bayaran tambahan sehingga 3x jumlah asurans asas bagi kematian akibat kemalangan



Manfaat hidup dijamin sebanyak 50% premium tahunan setiap 5 tahun



Sokongan kewangan tambahan sebanyak RM5,000 semasa pengebumian



Perlindungan di mana jua anda berada dengan Supreme Assist

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Premium mampu milik dengan perlindungan tinggi

Daripada serendah RM0.93 sehari, anda akan dilindungi dengan jumlah asurans asas setinggi RM100,000. Pelan mampu milik ini merupakan jaringan keselamatan yang meringankan bebanan kewangan orang tersayang anda sekiranya perkara yang tidak dijangka berlaku. Berita baiknya, anda boleh menikmati perlindungan tersebut sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut, memberikan anda ketenangan minda untuk jangka panjang.

Nota: Amaun di atas digunakan untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan senario untuk perempuan, tidak merokok, berumur 23 tahun hari jadi berikut dan jumlah asurans asas sebanyak RM100,000. Premium mungkin lebih tinggi berdasarkan jantina, umur dan jumlah asurans asas. Premium juga mungkin meningkat berdasarkan umur hari jadi berikut yang dicapai pada ulang tahun polisi. Tertakluk pada terma dan syarat.



Pendaftaran mudah tanpa pengunderaitan perubatan

Tidak kira jika anda berumur 19 tahun hari jadi berikut dan bakal memulakan pengajian tinggi, ataupun berumur 65 tahun hari jadi berikut dan sedang menikmati usia emas. Permohonan anda tiada sebarang soalan kesihatan ataupun pengunderaitan perubatan, menjadikannya lebih mudah untuk anda mendapatkan perlindungan yang diperlukan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan bagi kematian atau Hilang Upaya Total & Kekal (TPD)

Sememangnya, apa sahaja boleh berlaku dalam kehidupan. Sebab itulah kami menyediakan perlindungan bagi kematian atau TPD, dengan bayaran menurut jadual di bawah, membolehkan orang tersayang anda dilindungi daripada ketidaktentuan kewangan dalam kehidupan, disebabkan perancangan anda hari ini:

Tahun Polisi	Kematian/TPD akibat kemalangan atau Kematian akibat penyakit bawaan nyamuk	Kematian/TPD bukan akibat kemalangan
1&2	Mana yang lebih tinggi antara jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah	Pembayaran balik 100% premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah
3&4		Pembayaran balik 150% premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah
5&ke atas		Mana yang lebih tinggi antara jumlah asurans asas atau premium keseluruhan yang telah dibayar tanpa faedah

Nota:

- Perlindungan TPD sehingga ulang tahun polisi pada umur 70 tahun hari jadi berikut.
- Penyakit bawaan nyamuk terhad pada Demam Denggi, Malaria, Chikungunya, Japanese Encephalitis dan Virus Zika sahaja.
- Tertakluk pada terma dan syarat.



Manfaat tambahan bagi kematian akibat penyakit bawaan nyamuk

Berada di negara tropika, rakyat Malaysia menghadapi risiko dijangkiti penyakit bawaan nyamuk. Pelan ini memberi perlindungan tambahan sebanyak 100% daripada jumlah asurans asas sekiranya kematian berlaku akibat Demam Denggi, Malaria, Chikungunya, Japanese Encephalitis atau Virus Zika.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Bayaran tambahan sehingga 3x jumlah asurans asas bagi kematian akibat kemalangan

Jika kemalangan berlaku kepada anda, di mana jua anda berada, kami melindungi keluarga anda dengan bayaran tambahan sehingga 300% daripada jumlah asurans asas bagi kematian akibat kemalangan yang berlaku sebelum ulang tahun polisi pada umur 80 tahun hari jadi berikut. Ia dibayar secara sekali gus kepada orang tersayang anda apabila kematian akibat kemalangan berlaku kepada anda berserta manfaat kematian yang akan diterima.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

Berdasarkan jumlah asurans asas RM250,000



KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Tambahan **100%**
daripada jumlah
asurans asas

RM250,000



KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN (PENGANGKUTAN AWAM)

Tambahan **200%**
daripada jumlah
asurans asas

RM500,000



KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN (DI LUAR Malaysia)

Tambahan **300%**
daripada jumlah
asurans asas

RM750,000

Nota:

- Manfaat bagi Kematian Akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam) hanya akan dibayar jika kematian akibat kemalangan berlaku semasa berada dalam Pengangkutan Awam; atau sebagai penumpang dalam lif atau lif elektrik atau akibat kebakaran sebarang teater, pawagam, hotel atau bangunan awam lain yang mana hayat yang diasuranskan berada di situ semasa kebakaran bermula.
- Pengangkutan Awam bermaksud syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa atau pengangkutan awam komersial berlesen (terhadap kenderaan dan kereta api yang beroperasi di atas jalan raya dan landasan sahaja) melalui laluan yang ditetapkan dengan jadual tetap seperti bas, kereta api atau monorel. Kereta kabel, teksi, kereta sewa atau sebarang bentuk pengangkutan yang disewa bagi perjalanan persendirian adalah dikecualikan.
- Jika kematian akibat kemalangan berlaku, anda hanya akan menerima manfaat untuk Kematian Akibat Kemalangan, Kematian Akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam) atau Kematian Akibat Kemalangan di luar Malaysia (apabila kemalangan tersebut berlaku di luar Malaysia), mana yang berkenaan.
- Jika kematian akibat kemalangan berlaku apabila hayat yang diasuranskan menetap atau melancong di luar Malaysia melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut, Syarikat hanya akan membayar manfaat bagi Kematian Akibat Kemalangan atau Kematian Akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam).
- Unjuran manfaat adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Tertakluk pada terma dan syarat.



Manfaat hidup dijamin sebanyak 50% premium tahunan setiap 5 tahun

Dengan GREAT Life Gift, anda akan menerima manfaat hidup sebanyak 50% daripada premium tahunan anda pada akhir setiap 5 tahun polisi, sehingga kematian, TPD atau polisi tamat, mana yang berlaku dahulu. Anda boleh menggunakannya sebagai ganjaran bagi sendiri atau orang tersayang anda untuk meraikan pencapaian hidup, mencipta kenangan yang boleh diingati sepanjang hayat.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Sokongan kewangan tambahan sebanyak RM5,000 semasa pengebumian

Kami memahami kesukaran menghadapi kehilangan orang tersayang. Dengan GREAT Life Gift, manfaat pengebumian sebanyak RM5,000 akan dibayar untuk meringankan bebanan kewangan keluarga anda, sekiranya kematian berlaku:

- akibat kemalangan atau penyakit bawaan nyamuk bagi tempoh empat tahun polisi pertama; atau
- semua akibat dari tahun polisi kelima dan seterusnya.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan di mana jua anda berada dengan Supreme Assist

Melancong di luar negara? Atau atas urusan perniagaan? Dengan perkhidmatan Supreme Assist kami, GREAT Life Gift menghubungkan anda dengan bantuan perubatan kecemasan dalam negeri dan luar negara. Anda boleh menghubungi Talian Pusat Perkhidmatan 24-jam di 603-4259 8853 sekiranya anda memerlukan bantuan perubatan semasa berada di luar Malaysia.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Gambaran manfaat

Contoh pelaksanaan GREAT Life Gift:

Gillian dilindungi untuk:



Kematian atau TPD
dengan bayaran sehingga **RM100,000***

Sebagai tambahan pada manfaat kematian:



Kematian disebabkan Penyakit Bawaan Nyamuk
bayaran tambahan sebanyak **RM100,000**



Kematian Akibat Kemalangan
bayaran tambahan sebanyak **RM100,000**



Kematian Akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam)
bayaran tambahan sebanyak **RM200,000**



Kematian Akibat Kemalangan (Di Luar Malaysia)
bayaran tambahan sebanyak **RM300,000**



Manfaat Pengebumian
Keluarga Gillian akan menerima **RM5,000** apabila beliau meninggal dunia


Gillian juga diberikan:



Manfaat Hidup
sebanyak **50%** daripada premium tahunan, dibayar pada akhir setiap **5 tahun**



Supreme Assist
bantuan perubatan kecemasan dalam negeri dan luar negara di mana jua beliau berada



Gillian, seorang wanita yang berumur 23 tahun dan tidak merokok, membeli GREAT Life Gift.

Jumlah asurans asas (BSA) Gillian:
RM100,000

Premium tahunan bagi tahun pertama Gillian:
RM340



Pulangan Tahunan** Anda:
Manfaat dijamin = Tidak berkenaan

Nota:
*Amaun yang dibayar di bawah manfaat kematian atau TPD tertakluk pada sebab dan tahun apabila kematian atau TPD berlaku, dan akan dibayar menurut peruntukan kematian atau TPD yang dinyatakan dalam kontrak polisi.
**Jika anda mencari satu polisi insurans dengan elemen simpanan, anda boleh membandingkan pulangan bagi polisi ini dengan pulangan berkesan bagi alternatif pelaburan yang lain.
Contoh di atas digunakan untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J: Umur kemasukan minimum ialah 19 tahun hari jadi berikut dan umur kemasukan maksimum ialah umur 65 tahun hari jadi berikut.

S: Berapakah jumlah asurans yang boleh dibeli?

	Jumlah Asurans
Minimum	RM50,000
Maksimum (bagi setiap hayat)	RM250,000

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Berapakah premium yang saya perlu bayar?

J: Premium untuk pelan ini bergantung pada jumlah asurans yang dibeli, umur dan jantina anda. Premium mungkin meningkat berdasarkan umur hari jadi berikut yang dicapai pada ulang tahun polisi. Sila rujuk pada ilustrasi jualan untuk premium yang perlu dibayar.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran?

J: Anda boleh bayar menggunakan kad kredit, JomPAY, perbankan internet, GIRO, ePAY, atau Bank berkenaan (melalui kaunter, ATM & mesin deposit cek). Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Namun, pembayaran cek tidak dibenarkan bagi pembayaran secara bulanan.

S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?

J: Tiada manfaat akan dibayar di bawah keadaan berikut:

- Kematian semasa tahun polisi pertama akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- TPD akibat kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.
- TPD yang sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko polisi atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
- Kematian akibat kemalangan, apabila kematian hayat yang diasuranskan tidak berlaku dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan dan sebarang kecederaan yang menyebabkan kehilangan.
- Manfaat untuk Kematian Akibat Kemalangan di luar Malaysia* jika hayat yang diasuranskan menetap atau melancong di luar Malaysia lebih daripada 90 hari berturut-turut.

**Syarikat hanya akan membayar manfaat bagi Kematian Akibat Kemalangan atau Kematian Akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam).*

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

S: Adakah saya dilindungi untuk bantuan perubatan kecemasan yang diterima di luar Malaysia?

J: Anda dilindungi untuk bantuan perubatan kecemasan yang diterima semasa melancong di luar Malaysia, tertakluk pada maksimum 120 hari berturut-turut untuk setiap perjalanan.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada GREAT Life Gift tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negara.

Notis penting

GREAT Life Gift ialah pelan seumur hidup tanpa penyertaan dalam keuntungan yang menawarkan perlindungan hayat sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut. Premium hendaklah dibayar sehingga akhir tempoh polisi.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh pemerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dipulangkan kepada Syarikat dalam tempoh ini, premium penuh akan dibayar balik kepada pemilik polisi. Jika anda menukar polisi insurans anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Semasa pembatalan polisi, anda berhak menerima suatu pembayaran balik bersekadar (jika berkenaan) daripada premium terakhir yang dibayar. Pemberhentian pembayaran premium sebelum tempoh akhir pembayaran premium mungkin menyebabkan perlindungan ditamatkan lebih awal. Premium adalah tidak dijamin dan mungkin meningkat berdasarkan umur hari jadi berikut yang dicapai pada ulang tahun polisi. Syarikat berhak menyemak semula premium GREAT Life Gift dengan memberi notis sekurang-kurangnya 3 bulan terlebih dahulu.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk ilustrasi jualan, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.

PEJABAT CAWANGAN

Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

Batu Pahat

109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

Ipoh

Wisma GREAT Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

Johor Bahru

Wisma GREAT Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

Kluang

No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

Kota Bharu

No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

Kota Kinabalu

Wisma GREAT Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kuala Terengganu

2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

Kuching

House No. 51, Lot 435
Section 54, KTLD
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

Lahad Datu

Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah

Melaka

No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

Miri

Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

Penang

25, Light Street
10200 Penang

Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

Sibu

No. 10 A-F
Wisma GREAT Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

Taiping

133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

Tawau

Ground Floor
Wisma GREAT Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ **03-4259 8888**

☎ **03-4259 8000**

✉ **wecare-my@greateasternlife.com**

🌐 **www.greateasternlife.com**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A)
dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh
Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.